



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|------------------------------|----|
| - Sebuah rumah tidak selamat | 23 |
|------------------------------|----|

Harian Metro

- | | |
|------------------------|----|
| - 10 tahun tak selesai | 02 |
|------------------------|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|----------------------------------|----|
| - Pemaju bakal berdepan tindakan | 57 |
|----------------------------------|----|

The Star

- | | |
|-------------|----|
| - Night Run | 02 |
|-------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Sebuah rumah tidak selamat
Muka Surat	23

Sebuah rumah tidak selamat

**MPAJ akan nilai
17 rumah lain,
minta pemilik
buat
pemantauan
masing-masing**

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Sebuah rumah di Kampung Tasik Permai telah diklasifikasi tidak selamat, manakala status 17 rumah lagi masih dinilai agensi berkaitan.

Pengerusi Bencana daerah Hulu Langat, Datuk Rosli Othman berkata, pihaknya memohon kesewua pemilik terlibat turut memantau keadaan rumah masing-masing dalam tempoh 24 jam.

"Penduduk juga perlu buat penilaian sendiri, kenal

pasti tanda-tanda awal, jika ada kesan rekaan dan retakan segera maklumkan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata dengan ketika menyampaikan taklimat kepada penduduk berhubung kejadian runtuh daripada sebuah rumah di Kampung Tasik Permai, di sini semalam.

Hadir sama, Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat; Penghulu Mukim Ampang, Rafizi Jamro; Ketua Unit Pengurusan Bencana negeri, Ahmad Fairuz Mohd Yusof dan Pengarah Kejuruteraan MPAJ, Ir Zafrul Fazry Mohd Fauzi.

Rosli berkata, MPAJ akan segera memberi maklum balas mengenai keselamatan struktur kesewua rumah itu setelah penilaian lanjut dilaksanakan.

"Sekiranya, penilaian lanjut mendapat kawasan tersebut tidak selamat, maka penduduk perlu tunggu

SH MIS 23 16/11/2018



Kerja pembersihan sedang giat dijalankan di lokasi kejadian.

arahan selanjutnya.

"Bagaimanapun jika sebaliknya, kita akan fikirkan kaedah terbaik, seperti tindakan pembaikan, namun ia adalah tindakan jangka panjang.

"Penduduk juga perlu beri kerjasama supaya kerja baik pulih lancar," katanya.

Sementara itu Zafrul Fazry berkata, pihaknya akan membantu Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat dan

Ahli Jawatankuasa Bencana menyelesaikan isu berkaitan keselamatan penduduk.

"Ia susulan hakisan 'monsoon drain' di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), agensi berkenaan akan melaksanakan kerja pembaikan," katanya.

Beliau berkata, setakat ini agensi terlibat mengenal pasti hanya sebuah rumah daripada 18 rumah ada kesan retakan disebabkan binaan tidak sempurna dan tanpa kelulusan MPAJ.

"Rumah tersebut mengalami kerosakan dan perkara ini telah dimaklumkan kepada pemilik untuk mengosongkan rumah tersebut," katanya.

Menurutnya, MPAJ akan membantu membuat penilaian bagi 17 rumah lagi di sepanjang jalur 'monsoon drain' tersebut.

"Kita mendapat dalam rekod MPAJ, rumah lot kampung di kawasan ini tiada permohonan secara formal pembangunan rumah, kita

info

Penduduk perlu buat penilaian sendiri, kenal pasti tanda-tanda rekaan dan retakan

akan buat pemantauan secara visual terhadap rumah tersebut untuk mengesan kerosakan," katanya.

Beliau berkata, taklimat itu adalah untuk kesedaran penduduk kerana sebuah rumah diarahkan kosong demi keselamatan penghuniinya.

"Kita mohon penduduk segera memaklumkan kepada MPAJ sekiranya menemui tanda-tanda awal perubahan kepada struktur rumah masing-masing," katanya.

Selasa lalu, dapur sebuah rumah di Kampung Tasik Permai runtuh, manakala dua rumah berhampiran mengalami keretakan teruk akibat hakisan dan runtuh tebing sungai.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	10 tahun tak selesai
Muka Surat	02

Ampang: "Masalah ini sudah berlarutan sejak 10 tahun lalu. Saya harap isu ini akan selesai," kata penghuni rumah yang terkesan susulan banjir melanda di Kampung Tasik Permai, Jalan Permai 13, di sini, Selasa lalu.

Muhamad Sufari Mohammad, 43, berkata, pihak berkuasa diharap dapat menyelesaikan masalah dialami mereka hasil perbincangan dalam taklimat bersama pihak berwajib semalam.

"Dalam taklimat hari ini (semalam), kami (penduduk) dimaklumkan bahawa kawasan itu tidak selamat untuk diduduki.

"Terutama kediaman terletak berhampiran dengan longkang besar yang sudah pecah.

"Ini membabitkan kira-kira 12 hingga 18 kediaman di sekitar kawasan itu termasuk rumah saya yang terjejas teruk akibat banjir kelmarin.

"Hasil taklimat itu, pihak Majlis Perbandaran Am-



10 tahun tak selesai

KEDIAMAN yang rosak dan retak akibat tanah terhakis susulan sungai di belakang rumah tidak dapat menampung air hujan.

Hm mls 2 16/11/2018

pang Jaya (MPAJ) bersama agensi lain akan melakukan pemeriksaan terhadap rumah kami sekiranya terdapat keretakan susulan," katanya.

Beliau berkata, pihak berkuasa memaklumkan mereka akan mencari lajuan bagi membolehkan jentera berat masuk dan

menjalankan tugas baik pulih di kawasan longkang besar itu.

"Saya difahamkan kerja baik pulih itu akan mengambil masa kira-kira enam bulan untuk membetulkan sistem pada longkang itu secara keseluruhan.

"Sementara menunggu kerja baik pulih itu disi-

apkan, saya sekeluarga akan menetap di Dewan Orang Ramai Kampung Tasik Permai serta menunggu pihak terbabit mencari rumah sewa untuk kami menginap.

"Malah, pihak berkenaan juga memaklumkan akan menanggung kos makan dan minum kami," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Pemaju bakal berdepan tindakan
Muka Surat	57

Pemaju bakal berdepan tindakan

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 15 NOV.

KEMENTERIAN Perumahan dan Kerajaan Tempatan (PKPT) sedang mengkaji tindakan penguatkuasaan terhadap pemaju yang menjadi punca banjir kiat di sekitar ibu kota.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, tindakan itu termasuk mengenakan kompaun antara RM100,000 hingga RM500,000 ke atas pemaju yang menyebabkan kegagalan fungsi dan operasi sistem perparitan.

"Tapak pembinaan dikenal pasti menjadi antara punca utama banjir kiat di ibu kota. Jadi kita kena tegar dalam penguatkuasaan," katanya.

Beliau berkata selepas merasmikan Majlis Topping off Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) Residensi Bayu Andaman, baru-baru ini.

Tambah Zuraida, pihaknya turut bekerjasama dengan Kementerian Wilayah bagi memantau tapak pembinaan terutama di kawasan yang sering dilanda banjir kiat.



ZURaida
KAMARUDDIN

"Tapak pembinaan dikenal pasti menjadi antara punca utama banjir kiat di ibu kota. Jadi kita kena tegar dalam penguatkuasaan."

ZURaida KAMARUDDIN

Sementara itu, Zuraida yang juga Ahli Parlimen Ampang berkata, pembinaan Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKKE) dikenal pasti sebagai penyebab sistem perairan tersumbat.

"Kami telah berbincang dengan pihak pemaju SUKE agar pembersihan dijalankan dari semasa ke semasa di kawasan takungan air berdekatan projek pembinaan itu," katanya.

Antara lokasi yang terjejas adalah sekitar Kampung Melayu Ampang, Taman Kosas, Ampang Utama dan Taman Melur.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, PKPT akan memperkenalkan Piawaian Perumahan Berkualiti (PBB) dalam usaha memastikan rumah mampu milik yang dibina di negara ini lebih berkualiti.



PROJEK pembinaan di sekitar ibu kota menjadi punca masalah banjir. - UTUSAN/MOHD. AZIM ABD. RAHMAN



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
16 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)**

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Night Run
Muka Surat	02

NIGHT RUN

The Ampang Jaya Night Run 2018, organised by Ampang Jaya Municipal Council takes place on Nov 24 at 9pm at Jalan Bandar 12, Taman Melawati (in front of Melawati Mall). There are two categories – 12km and 5km fun run. Over RM7,000 in cash prizes are offered for the 12km category, as well as televisions and hampers in the lucky draw. For details and registration, visit bit.ly/2EQNVuR

TS MIS 2 16/11/2018